



Kajian Kes Mengenai Kadar Penerimaan Pelajar Terhadap Kokurikulum Berkredit Badan Beruniform di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Jasni Bin Mohd Noor
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
mnnjasni@psa.edu.my

Jamilah Binti Abbas
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
jamilah@psa.edu.my

Mohammad Fahmy Bin Ibrahim
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
mfahmy@psa.edu.my

Abstrak: Kokurikulum berkredit merupakan salah satu kokurikulum yang wajib diambil oleh semua pelajar politeknik bagi melayakkan seseorang pelajar itu dianugerahkan diploma politeknik. Kokurikulum berkredit ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kokurikulum berkredit Badan Beruniform dan kokurikulum berkredit Sukan, Kelab dan Persatuan. Senario yang berlaku di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) adalah, kokurikulum berkredit Badan Beruniform ini tidak menjadi pilihan utama pelajar semasa pemilihan kokurikulum. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap kokurikulum berkredit Badan Beruniform berbanding dengan kokurikulum berkredit Sukan dan kokurikulum berkredit Kelab dan Persatuan. Kajian ini juga dilakukan bagi mengenalpasti bilangan pelajar yang berjaya menamatkan kokurikulum berkredit Badan Beruniform sehingga ke tahap pentauliahkan. Kajian telah dijalankan terhadap pelajar PSA bermula dari semester satu sesi Jun 2015 sehingga pelajar tersebut menamatkan kursus kokurikulum berkredit Badan Beruniform dengan ditauliahkan pada sesi Jun 2018. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kokurikulum berkredit Badan Beruniform tidak menjadi pilihan utama berbanding dengan kokurikulum berkredit yang lain kerana bilangan pelajar yang memilih nya adalah rendah. Peratusan pelajar yang berjaya menamatkan kursus kokurikulum berkredit Badan Beruniform juga menunjukkan penurunan berbanding dengan data pelajar yang mendaftar pada semester satu. Hasil dari dapatan kajian ini dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti merangka strategi bagi meningkatkan bilangan keahlian kokurikulum berkredit Badan Beruniform serta menarik minat pelajar politeknik menyertai kokurikulum berkredit tersebut. Silibus kokurikulum berkredit Badan Beruniform juga perlu ditambah baik dengan menerapkan elemen yang menjadi kegemaran remaja masa kini.

Kata kunci: kokurikulum, berkredit, pelajar

1.0 PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah mengarahkan usaha kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2035) melalui 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk Pengajian Tinggi telah menggariskan lonjakan pertama yang perlu dicapai ialah “Graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang”.

Dalam konteks ini, peranan kokurikulum adalah sebagai pelengkap kepada kurikulum bagi melahirkan individu yang seimbang. Pentingnya kokurikulum dalam pembangunan diri seseorang pelajar



bagi melahirkan individu yang seimbang telah diulas oleh Teng, Bon Tong (1982) dan Vasudevan T. Arosoo (1988) yang menyatakan antara keunikan kokurikulum ialah di dalamnya mengandungi pembangunan psikomotor (fizikal), kognitif (intelektual) dan afektif (emosi dan rohani). Menurut Zulkiflee dan Aimi (2010), kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum. Gabungan kurikulum dan kokurikulum dapat menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia.

Menurut Kamus Dewan (2000), kokurikulum ialah merupakan sebahagian daripada kurikulum asas yang melibatkan kegiatan atau aktiviti. Selain subjek yang diajar di dalam bilik darjah, kokurikulum juga di anggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan. Kreps (2002) merumuskan terdapat banyak aktiviti berkaitan kokurikulum, antaranya ialah penyelidikan luar, projek khidmat masyarakat, penglibatan dalam persatuan, pembentukan organisasi, terlibat sebagai atlet, menghadiri sesuatu program atau pertandingan. Ab. Alim Abdul Rahim (1999) pula mendefinisikan kokurikulum sebagai aktiviti yang berbentuk pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah dan menyediakan pengalaman-pengalaman pengajaran. Komponen kokurikulum termasuklah badan beruniform, persatuan dan kelab, sukan dan permainan.

Willson (2009), menyatakan kokurikulum merupakan suatu keperluan dalam menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Pemerkasaan kokurikulum dalam sistem pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi perlu diberi penekanan sewajarnya. Kursus kokurikulum ber kredit telah dilaksanakan mulai Sesi Jun 2000 diwajibkan kepada pelajar Semester satu dan dua di semua Politeknik Malaysia. Kokurikulum merupakan wadah pelengkap kepada pembelajaran dalam bilik kuliah. Aktiviti-aktiviti kokurikulum di politeknik merupakan pemacu sendiri (self driven) bagi mengasah bakat dan menghasilkan kemahiran dalam suasana pembelajaran yang fleksibel, menyeronokkan, menambah pengetahuan sedia ada serta kemahiran pelajar di dalam bidang-bidang tertentu. Kokurikulum juga dapat membentuk sahsiah serta meningkatkan kemahiran insaniah agar graduan yang dilahirkan dari Politeknik Malaysia berpotensi dan mampu berdaya saing serta memenuhi kehendak kebolehpasaran graduan. Sehubungan itu, kokurikulum memberi platform kepada pelajar untuk membudayakan pencarian ilmu baru maka dengan itu beberapa kursus baru telah dicadangkan dalam pelaksanaan kokurikulum di politeknik seluruh Malaysia bermula Sesi Jun 2014 bagi Program Diploma dan September 2013 bagi Program Ijazah.

Senario pembelajaran kokurikulum ber kredit di politeknik adalah bermula dari semester satu sehingga lah semester lima dan terbahagi kepada dua laluan iaitu laluan satu adalah Sukan, Kelab dan Persatuan sementara laluan dua adalah Badan Beruniform. Bagi pelajar yang memilih laluan satu, kelas kokurikulum akan bermula pada semester dua iaitu Kokurikulum Sukan (DRS Sukan) dan diikuti dengan Kokurikulum Kelab dan Persatuan (DRK Kelab dan Persatuan) di semester tiga. Laluan dua pula adalah Badan Beruniform yang bermula dari semester satu sehingga lah semester lima. Dari aspek pembahagian kredit pula, DRS Sukan yang dijalankan pada semester dua itu telah diberikan satu kredit dan DRK Kelab dan Persatuan pada semester tiga pula telah diberikan dua kredit. Bagi DRB Badan Beruniform pula, pada semester satu, tiada kredit diberikan dan kredit hanya bermula pada semester dua iaitu satu kredit dan diikuti dengan dua lagi kredit pada semester tiga. Pada semester empat dan semester lima juga tiada kredit diberikan kerana pada semester tersebut, pelajar diberi pendedahan dengan ilmu untuk pentauliah. Semua pelajar politeknik adalah diwajibkan mengambil salah satu laluan bagi membolehkan pelajar tersebut dianugerahkan Diploma nanti.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi) yang telah menggariskan 10 tonggak utama dan dua daripadanya adalah melahirkan graduan holistik dan graduan TVET yang berkualiti di mana Kementerian Pendidikan akan memperbanyakkan program membina sahsiah serta intelek pelajar di samping memiliki akademik yang cemerlang. Menurut Ibrahim *et al* (2010), menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat melatih pelajar dari sudut kesempurnaan dan keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek kokurikulum. Rentetan dari itu pihak politeknik telah merangka kurikulum yang meliputi gabungan kurikulum akademik dan kokurikulum. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menawarkan sebanyak lima kokurikulum berkredit Badan Beruniform iaitu Pelatih Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Briged Rela Siswa, PLAS TLDM, dan Pengakap Kelana Politeknik. Pelajar semester satu diberi sesi taklimat berkenaan dengan Kokurikulum Berkredit Badan Beruniform ini pada awal semester dan pelajar diberi pilihan untuk memilih kokurikulum berkredit mana yang ingin dipilih. Isu yang seringkali berlaku adalah ketidakseimbangan pemilihan kokurikulum berkredit Badan Beruniform berbanding dengan kokurikulum berkredit Sukan dan Persatuan. Masalah kedua yang berlaku adalah bilangan pelajar yang telah mendaftar dengan kokurikulum berkredit Badan Beruniform menjadi berkurangan dari jumlah yang mendaftar pada semester satu berbanding dengan pelajar yang ditauliahkan pada semester lima. Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti penerimaan pelajar dalam kokurikulum Berkredit Badan Beruniform di Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah.

1.2 Objektif Kajian Dan Penyelidikan

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif seperti berikut:

- i. Menenal pasti kecenderungan pelajar dalam proses pemilihan kokurikulum berkredit samada kokurikulum berkredit Sukan (DRS), Kelab dan Persatuan (DRK) ataupun kokurikulum berkredit Badan Beruniform (DRB).
- ii. Menenal pasti bilangan pelajar yang berjaya menamatkan kursus kokurikulum berkredit Badan Beruniform (DRB).

1.3 Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada aspek seperti berikut:

- i. Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mengambil kursus kokurikulum berkredit Sukan (DRS), Kelab dan Persatuan (DRK) dan Badan Beruniform (DRB) bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018.
- ii. Data pelajar diambil bermula dari semester satu sehingga pelajar tersebut ditauliahkan pada semester lima.
- iii. Kokurikulum berkredit Badan Beruniform yang terlibat ialah RELASIS, PISPA, PLAS TLDM dan Pengakap Kelana Siswa.

1.4 Kepentingan Kajian

Kokurikulum merupakan medium yang mampu untuk membangunkan kemahiran insaniah pelajar selain dari ilmu-ilmu yang diperolehi di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti merangka strategi bagi meningkatkan keahlian kokurikulum ber kredit Badan Beruniform serta menarik minat pelajar politeknik menyertai kokurikulum ber kredit Badan Beruniform serta menggubal silibus yang sesuai bagi peringkat umur pelajar politeknik.

2.0 METODOLOGI

Kajian metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian literature dan data yang diperolehi dari Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) yang dibangunkan di bawah item 'i-KOKO'. Kajian literature ini dibangunkan untuk memperoleh maklumat berkaitan kecenderungan pelajar dalam proses pemilihan kokurikulum ber kredit Badan Beruniform (DRB), Sukan (DRS) dan Kelab dan Persatuan (DRK) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Selain itu, teknik data yang diperolehi dari Sistem Pengurusan Maklumat pelajar (SPMP) ini untuk mengenal pasti bilangan pelajar yang berjaya menamatkan kursus kokurikulum ber kredit Badan Beruniform (DRB) sehingga ke peringkat pentaullahan. Kajian ini terdiri daripada pelajar empat jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Perdagangan.

3.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

Bab ini menerangkan analisis yang telah dijalankan ke atas data-data yang diperolehi. Hasil analisis data yang dilakukan telah diterjemahkan dalam bentuk jadual dengan lebih jelas. Huraian terhadap analisis data dilakukan berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi.

3.1 Bilangan Pelajar Semester Satu

Data yang diambil daripada Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) menunjukkan seramai 1483 orang pelajar telah mendaftar bagi semester satu Sesi Jun 2015, manakala pada sesi Disember 2015 seramai 302 orang pelajar semester satu telah mendaftar. Seterusnya seramai 962 orang pelajar semester satu telah mendaftar pada sesi Jun 2016 dan 392 orang pelajar telah mendaftar pada sesi Disember 2016.

Jadual 3.1 Bilangan Pelajar Semester Satu

Sesi	Bilangan Pelajar
Jun 2015	1483
Disember 2015	302
Jun 2016	962
Disember 2016	392

3.2 Perbandingan Pelajar Semester Satu Yang Mendaftar Kokurikulum Ber kredit Badan Beruniform

Jadual 3.2 telah menunjukkan secara puratanya hanya 8 peratus pelajar yang mendaftar kokurikulum ber kredit Badan Beruniform berbanding 92 peratus pelajar yang memilih kokurikulum ber kredit Sukan, Kelab dan Persatuan.

Jadual 3.2 Perbandingan Pelajar Semester Satu Yang Mengambil Kokurikulum Berkredit Badan Beruniform

Sesi	Kokurikulum Berkredit Badan Beruniform	Peratus (%)	Kokurikulum Berkredit Sukan, Kelab dan Persatuan	Peratus %
Jun 2015	118	8	1365	92
Disember 2015	24	8	278	92
Jun 2016	80	8.3	882	91.7
Disember 2016	30	7.7	362	92.3
Purata		8		92

3.3 Bilangan Pelajar Semester Satu Yang Memilih Kokurikulum Berkredit Badan Beruniform

Jadual 3.3 pula menunjukkan senarai bilangan pelajar yang telah memilih kokurikulum Badan Beruniform dari Relasis, Pispas, Plas TLDM dan Pengakap Siswa. Bagi sesi Jun 2015, seramai 32 orang pelajar telah memilih RELASIS, 57 orang pelajar telah memilih PISPA, dan 29 orang pelajar telah memilih PLAS TLDM. Pengambilan pelajar bagi PLAS TLDM adalah satu tahun sekali, jadi tiada pengambilan pelajar bagi Sesi Disember 2015. Pada sesi tersebut, hanya 24 orang pelajar sahaja yang telah memilih kokurikulum berkredit Badan Beruniform di mana seramai 3 orang pelajar memilih RELASIS dan 21 orang pelajar memilih PISPA. Sementara bagi Sesi Jun 2016 pula, 17 orang pelajar memilih RELASIS, 16 orang pelajar memilih PISPA dan 47 orang pelajar memilih PLAS TLDM. Bagi Sesi Disember 2016 pula, seramai 19 orang pelajar memilih RELASIS, 4 orang pelajar memilih PISPA, 7 orang pelajar memilih Pengakap Kelana Siswa yang buat julung kali diperkenalkan dan tiada ambilan bagi PLAS TLDM.

Jadual 3.3 Bilangan Pelajar Semester Satu Yang Memilih Kokurikulum Berkredit Badan Beruniform

Sesi	RELASIS	PISPA	PLAS TLDM	Pengakap Kelana Siswa	JUMLAH
Jun 2015	32	57	29	-	118
Disember 2015	3	21	Tiada Ambilan	-	24
Jun 2016	17	16	47	-	80
Disember 2016	19	4	Tiada Ambilan	7	30

3.4 Bilangan Pelajar Yang Berjaya Menamatkan Kokurikulum Berkredit (Pentauliahkan)



Kokurikulum berkredit Badan Beruniform telah dirangka dengan perancangan yang sangat baik iaitu setiap pelajar yang mengikuti kokurikulum berkredit Badan Beruniform akhirnya ditauliahkan pada semester lima. Pentaualihan ini merupakan nilai tambah bagi seseorang pelajar bagi menghadapi alam pekerjaan nanti. Jadual-jadual di bawah, telah menunjukkan bilangan pelajar yang mendaftar pada semester satu dan bilangan pelajar yang berjaya ditauliahkan pada semester lima. Telah berlaku penurunan bilangan pelajar yang sangat drastik semasa pentaualihan berbanding dari pendaftaran pada semester satu. Hampir semua kokurikulum berkredit Badan Beruniform telah menunjukkan penurunan bilangan ahli yang kekal sehingga pentaualihan.

Jadual 3.4.1 Bilangan Pelajar Yang Berjaya Menamatkan Kokurikulum Berkredit (Pentaualihan)
 Sesi Jun 2015 – Sesi Jun 2017

KOKURIKULUM	SEMESTER 1	SEMESTER 5
RELASIS	32	20
PISPA	57	11
PLAS TLDM	29	24

Jadual 3.4.2 Bilangan Pelajar Yang Berjaya Menamatkan Kokurikulum Berkredit (Pentaualihan)
 Sesi Disember 2015 – Sesi Disember 2017

KOKURIKULUM	SEMESTER 1	SEMESTER 5
RELASIS	3	2
PISPA	21	3
PLAS TLDM	Tiada Ambilan	

Jadual 3.4.3 Bilangan Pelajar Yang Berjaya Menamatkan Kokurikulum Berkredit (Pentaualihan)
 Sesi Sesi Jun 2016 – Sesi Jun 2018

KOKURIKULUM	SEMESTER 1	SEMESTER 5
RELASIS	17	3
PISPA	16	6
PLAS TLDM	47	14

Jadual 3.4.4 Bilangan Pelajar Yang Berjaya Menamatkan Kokurikulum Berkredit (Pentauliahahan)
Sesi Disember 2016 – Sesi Disember 2018

KOKURIKULUM	SEMESTER 1	SEMESTER 5
RELASIS	19	5
PISPA	4	3
Pengakap Kelana Siswa	7	1
PLAS TLDM	Tiada Ambilan	

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan mendapati peratusan pelajar yang memilih kokurikulum berkredit Badan Beruniform adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan pelajar yang memilih kokurikulum berkredit Sukan, Kelab dan Persatuan. Terdapat hanya 8 peratus sahaja dari bilangan keseluruhan pelajar semester satu yang memilih kokurikulum berkredit Badan Beruniform berbanding dengan 92 peratus dari bilangan keseluruhan pelajar semester satu yang telah memilih kokurikulum berkredit Sukan, Kelab dan Persatuan. Bilangan pelajar yang berjaya menamatkan kokurikulum berkredit Badan Beruniform sehingga ke tahap pentauliahahan pula berkurangan berbanding dengan bilangan yang mendaftar kokurikulum tersebut pada semester satu. Daripada data kajian telah menunjukkan hampir semua kokurikulum berkredit Badan Beruniform mengalami penurunan yang drastik jumlah bilangan ahli yang berjaya ditauliahkan berbanding dengan ahli yang mendaftar pada semester satu.

5.0 CADANGAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi dan dibincangkan, beberapa cadangan dibentuk untuk diberi perhatian terhadap permasalahan ini. Antara cadangan yang perlu diambil perhatian antaranya:

- Memberikan kredit kepada kursus kokurikulum berkredit untuk semester satu.
- Melaksanakan kursus kokurikulum berkredit Sukan dan Badan Beruniform secara serentak dari semester satu lagi.
- Pentauliahahan diwajibkan kepada semua pelajar yang mendaftar kokurikulum berkredit Badan Beruniform sebagai pemangkin semangat kepada pelajar lain melihat kepada keberkesanan kokurikulum ini.
- Memberikan elaun khas kepada pelajar yang mengikuti kokurikulum berkredit Badan Beruniform bagi menarik minat pelajar.

RUJUKAN



- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Kokurikulum*. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman & Zalinah Salehan (2015). *Citra Kokurikulum*. Universiti Tun Hussein Onn.
- Ahmad Esa, Jailani Md Yunos & Noraini Kaprawi (2004). *Peranan Kokurikulum Dalam Pembangunan Kemahiran Generik*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Ibrahim, B., Mastor, S., Mohd Salleh, K. & Sulaiman, N.L. (2010). *Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Jamaluddin Hj Badusah, Rosna Awan Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. UPM.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka
- Teng Bon Teng (1984). *Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah (Edisi ke 2)*. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Vasudevan T. Arosoo (1988). *Kegiatan KoiKurikulum: Penyeliaan Dan Pentadbiran*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman (2014). *Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum Dan Keberkesanannya Kepada Remaja*. Proceeding of the Social Science Research, June 2014.
- Wilson, N. L. (2009). *Impact of extracurricular Activities on Students*. Di capai pada Februari 2012: <http://www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2009/2009wilsonn.pdf>.
- Zulkiflee Haron & AimiAyuni Idris (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkifli Mansor (2008). *Pelaksanaan dan Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran kokurikulum Di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn.